



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel :603-88832545
Faks :603-8889 5542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

MERS-CoV: TIADA KES BARU SETELAH TEMPOH PENGAWASAN TAMAT

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa tempoh pengawasan kesihatan selama empat belas (14) hari dari tarikh akhir kontak terdedah kepada satu (1) kes kematian yang disahkan dijangkiti MERS-CoV di Johor telah tamat pada 27 April 2014.

Sehingga 27 April 2014, secara kumulatif seramai 222 kontak telah berjaya dikesan dari seluruh negara dan kesemuanya berada dalam keadaan sihat. Tiada sampel yang dikesan positif jangkitan MERS-CoV dari **79 sampel yang telah diambil dari kontak rapat (*close contact*) yang bergejala dan tidak bergejala**. Justeru itu, KKM ingin memaklumkan bahawa **tiada kes baru dikesan dan tiada kluster jangkitan MERS-CoV dilaporkan dari seluruh negara** menjadikan jumlah kumulatif kekal sebagai satu (1) kes kematian.

Sehingga 26 April 2014, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menerima laporan sejumlah 261 kes MERS-CoV yang disahkan melalui ujian makmal yang meliputi 93 kematian dari seluruh dunia. Justeru, KKM ingin menasihatkan orang awam, khususnya yang ingin mengerjakan umrah atau haji di Tanah Suci atau mengadakan lawatan ke mana-mana negara di rantau Timur Tengah yang kini melaporkan kejadian jangkitan MERS-CoV, mengenai perkara-perkara berikut:

- i) Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*), terutamanya selepas batuk, bersin atau selepas bersalaman;
- ii) Semasa dalam tempoh lawatan, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (*mask*) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) untuk digunakan apabila perlu;

- iii) Semasa dalam tempoh lawatan, elakkan dari mendekati dan menyentuh orang yang sakit mahupun mendekati. Begitu juga, elakkan dari melawat ladang haiwan, khususnya ladang unta dan menyentuh sebarang jenis haiwan. Sentiasa berwaspada dan menjaga kesihatan diri, di samping mendapatkan rawatan segera sekiranya jatuh sakit;
- iv) Semasa dalam tempoh lawatan, elakkan dari menjamah makanan mentah atau tidak dimasak dengan sepenuhnya, menjamah buah-buahan mahupun sayuran yang tidak dibasuh terlebih dahulu atau meminum minuman yang menggunakan bekalan air tidak terawat;
- v) Mereka yang pulang dari lawatan ke negara-negara yang terlibat, khususnya negara di rantau Timur Tengah dengan gejala jangkitan respiratori (seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak) adalah dinasihatkan untuk memakai penutup mulut dan hidung (*mask*), menjaga adab batuk serta mengamalkan kebersihan diri. Segera dapatkan rawatan perubatan serta maklumkan mengenai sejarah perjalanan mereka kepada doktor yang merawat.

Di samping itu, KKM juga ingin memohon kerjasama pihak agensi pelancongan khususnya yang menguruskan jemaah umrah agar memperkukuhkan kesedaran mengenai kejadian jangkitan MERS-CoV ini melalui hebahan maklumat secara berterusan kepada para jemaah umrah yang diuruskan. Bagi tujuan ini, agensi terbabit dipohon untuk merujuk kepada nasihat kesihatan sebagaimana yang disarankan di atas.

KKM akan terus memantau situasi kejadian penyakit ini dan sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Maklumat terkini berkaitan jangkitan MERS-CoV boleh diperolehi dari laman sesawang <http://www.moh.gov.my>.

Sekian dan terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

28 April 2014